



Kredit foto: RSPO, Jonathan Perugia

SYARAT SISTEM PENGURUSAN RSPO UNTUK PENSIJILAN KUMPULAN PENGELUARAN FFB 2022

Disahkan oleh Ahli Lembaga Gabenor RSPO (BoG)
pada 18 Mei 2022

Tajuk Dokumen	:	Syarat Sistem Pengurusan RSPO untuk Pensijilan Kumpulan Pengeluaran FFB 2022
Kod Dokumen	:	RSPO-STD-T06-008 V3 MAY
Skop	:	Antarabangsa
Jenis Dokumen	:	Standard
Kelulusan	:	Disahkan oleh Ahli Lembaga Gabenor RSPO (BoG)
Hubungi	:	Standard Development Department, standard.development@rspo.org



JADUAL KANDUNGAN

SENARAI AKRONIM	4
PENGENALAN	5
SEKSYEN 1. SKOP DAN KEBOLEHGUNAAN	7
1.1 SKOP	7
1.2 KEBOLEHGUNAAN	7
1.3 SIJIL PEMATUHAN DAN TUNTUTAN	9
1.4 DOKUMENTASI BERKAITAN	9
SEKSYEN 2. SYARAT SISTEM UNTUK PENGURUSAN KUMPULAN	10
2.1 ELEMEN 1 (E1): SYARAT ENTITI KUMPULAN DAN PENGURUSAN KUMPULAN	10
2.2 ELEMEN 2 (E2): SISTEM KAWALAN DALAMAN – DASAR DAN PENGURUSAN	12
2.3 ELEMEN 3 (E3): SISTEM KAWALAN DALAMAN - OPERASI	13
LAMPIRAN I. DEFINISI	18
LAMPIRAN II. PILIHAN PENSIJILAN (ILUSTRASI RINGKAS)	20
LAMPIRAN III. PELAN TERIKAT MASA: PEKEBUN KECIL SKIM & PENGUSAHA LUAR SKIM	22
LAMPIRAN III. SENARAI DOKUMEN YANG AKAN DIBANGUNKAN, DIPERLUKAN UNTUK MEMATUHI P&C RSPO	28

SENARAI AKRONIM

CFFB	Buah Tandan Segar yang Diperakui (Certified Fresh Fruit Bunch)
CSPO	Minyak Sawit Lestari yang Diperakui (Certified Sustainable Palm Oil)
FFB	Buah Tandan Segar (Fresh Fruit Bunch)
ICS	Sistem Kawalan Dalaman (Internal Control System)
ISH	Pekebun Kecil Bebas (Independent Smallholder)
P&C	Prinsip dan Kriteria (Principles and Criteria)
RSPO	Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (Roundtable on Sustainable Palm Oil)
SCC	Pensijilan Rantaian Bekalan (Supply Chain Certification)

PENGENALAN

Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) merupakan inisiatif pelbagai pihak berkepentingan global untuk mempromosikan pengeluaran dan penggunaan minyak kelapa sawit yang lestari. Ahli-ahli RSPO dan para peserta dalam aktiviti-aktivitinya datang daripada pelbagai latar belakang, termasuk para pekebun, syarikat-syarikat perladangan, pengeluar dan peruncit produk kelapa sawit, badan bukan kerajaan (NGOs) berasaskan alam sekitar dan sosial, dan dari pelbagai negara yang menghasil atau menggunakan produk kelapa sawit.

Objektif utama RSPO adalah untuk menggalakkan pertumbuhan dan penggunaan minyak sawit lestari melalui kerjasama dalam rantai bekalan dan dialog terbuka antara pihak-pihak berkepentingannya. Pensijilan RSPO adalah sebagai jaminan kepada pengguna bahawa pengeluaran minyak sawit adalah dijalankan secara lestari.

Prinsip dan Kriteria (P&C) RSPO dan Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO adalah standard utama bagi syarikat-syarikat yang menghasilkan minyak kelapa sawit, dan Pekebun Kecil Bebas yang menghasilkan Buah Tandan Segar (FFB). P&C RSPO adalah digunapakai untuk syarikat peringkat pengeluaran dengan ladang mereka sendiri, manakala Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO pula adalah untuk Pekebun Kecil Bebas yang mengambil kira keperluan dan cabaran yang mereka hadapi (rujuk kepada definisi ISH di bawah Lampiran 1).

Akses kepada pensijilan untuk penanam bagi semua saiz adalah elemen penting dalam pensijilan RSPO. Dalam usaha untuk memudahkan lagi akses kepada penanam, satu sistem Pensijilan Kumpulan telah dibangunkan untuk menyediakan opsyen yang lebih praktikal dan boleh diimplementasi ke arah mencapai Pensijilan Pengeluaran Minyak Sawit Lestari RSPO. Penanam dan pekebun kecil kini boleh membuat keputusan pengurusan mereka sendiri mengenai opsyen pensijilan yang tersedia untuk mereka (rujuk kepada Lampiran II. Pilihan Pensijilan).

Pensijilan Kumpulan juga berfungsi untuk memberi ahli RSPO (kilang dengan pangkalan bekalan) lebih banyak opsyen dalam menyokong pekebun kecil ke arah Pensijilan RSPO. Ini adalah sebagai tindak balas terhadap Sistem Pensijilan RSPO yang memerlukan ahli (kilang dengan pangkalan bekalan) untuk melaksanakan pelan terikat masa bagi memastikan semua Skim Pekebun Kecil dan pengusaha luar yang membekalkan kilang yang diperakui P&C telah diperakui dalam tempoh tiga tahun selepas kilang itu memperoleh sijilnya sendiri; dan Prinsip 5 P&C RSPO yang memerlukan ahli (kilang dengan pangkalan bekalan) untuk menyokong pemasukan pekebun kecil, termasuk Pekebun Kecil Bebas ke dalam rantai nilai minyak sawit lestari (rujuk kepada Lampiran III. Pelan Terikat Masa: Skim Pekebun Kecil & Skim Pengusaha Luar untuk ilustrasi ringkas).

Apakah Pensijilan Kumpulan?


Pensijilan Kumpulan adalah satu sistem di mana sekumpulan peladang melaksanakan Sistem Kawalan Dalaman (ICS) dan diperakui oleh badan pensijilan pihak ketiga, yang menilai prestasi ICS dan melakukan beberapa pemeriksaan berkala ke atas ahli kumpulan.

Pensijilan Kumpulan RSPO membolehkan penanam memperakui Buah Tandan Segar (FFB) mereka melalui pensijilan kumpulan terhadap P&C RSPO di bawah satu sijil. Sistem ini membolehkan penanam dikelompokkan bersama untuk diperakui di bawah satu sijil di mana ia diuruskan melalui organisasi pusat atau oleh individu yang dikenali sebagai Pengurus Kumpulan.

Pengurus Kumpulan bertanggungjawab untuk menubuhkan ICS yang mengawal kumpulan, dan untuk menjalankan program penilaian dalaman terhadap prestasi ahli kumpulan bagi memastikan mereka mematuhi syarat pengeluaran minyak sawit lestari RSPO.

Semua kumpulan dikehendaki memenuhi syarat sistem pengurusan untuk pensijilan kumpulan (dokumen ini) yang berkaitan dengan sistem kawalan dalaman sebagai tambahan kepada P&C RSPO.

Di bawah sistem Pensijilan Kumpulan, Pengurus Kumpulan dan sampel ahli kumpulan dinilai oleh badan pensijilan bertauliah berdasarkan syarat sistem pengurusan untuk Kumpulan (mengikut dokumen ini) dan juga P&C RSPO (rujuk Rajah 1). Badan pensijilan bertauliah hendaklah mematuhi syarat-syarat yang digariskan dalam Sistem Pensijilan RSPO untuk P&C dan Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO 2020 (selepas ini dirujuk sebagai “Dokumen Sistem Pensijilan”).



Rajah 1. Struktur Pensijilan Kumpulan (Ilustrasi Ringkas)

SEKSYEN 1. SKOP DAN KEBOLEHGUNAAN

1.1 SKOP

Syarat Sistem Pengurusan RSPO untuk Pensijilan Kumpulan Pengeluaran FFB 2022 ini (selepas ini dirujuk sebagai "Pensijilan Kumpulan") mengemukakan syarat RSPO yang HANYA meliputi syarat sistem untuk pengurusan kumpulan Pengurus Kumpulan. Dokumen ini akan digunakan bersama-sama dengan P&C – standard pensijilan yang akan dipenuhi oleh semua ahli kumpulan dan terhadap penilaian pensijilan yang dibuat; dan Dokumen Sistem Pensijilan - yang menetapkan bagaimana badan pensijilan harus menilai sesebuah operasi dan memutuskan sama ada satu set syarat telah dipenuhi ataupun tidak.

Dokumen ini telah disusun seperti berikut:

Seksyen 1 mentakrifkan tentang kepada siapa sistem ini terpakai, siapa yang boleh menggunakan sistem ini, standard apa yang digunakan, bagaimana ia terpakai, tuntutan, dan dokumen berkenaan yang berkaitan.

Seksyen 2 menggariskan syarat mengenai pengurusan dan sistem pengurusan pensijilan kumpulan.

Dokumen ini menggantikan Syarat Sistem Pengurusan RSPO dan Panduan untuk Pensijilan Kumpulan Pengeluaran FFB (Versi Semakan Semula seperti yang disahkan oleh Ahli Lembaga Gabenor pada 8 Mac 2018) dan ia berkuat kuasa 6 (enam) bulan dari 18 May 2022.

Pensijilan Kumpulan 2022 ini mungkin akan dipinda apabila diperlukan, berdasarkan pada Standard RSPO yang telah disemak semula, syarat, strategi atau keputusan yang dikeluarkan oleh RSPO.

1.2 KEBOLEHGUNAAN

Dokumen ini terpakai kepada pekebun kecil (Bebas dan/atau Skim) dan penanam sederhana, yang ingin mendapatkan pensijilan P&C untuk FFB mereka melalui pembentukan kumpulan yang sah dibawah undang-undang. Satu organisasi pusat atau individu, yang dikenali sebagai Pengurus Kumpulan, haruslah dilantik untuk menguruskan kumpulan.

Pengurus Kumpulan bertanggungjawab untuk menubuhkan Sistem Kawalan Dalaman (ICS) yang mengawal kumpulan, dan untuk menjalankan program penilaian dalaman terhadap prestasi ahli seperti yang digariskan dalam Seksyen 2 dokumen ini.

Semua ahli kumpulan hendaklah menunjukkan kemampuan mereka untuk memenuhi P&C RSPO, tidak termasuk syarat untuk kilang (rujuk kepada P&C RSPO untuk butiran lanjut) untuk semua plot bagi semua ahli kumpulan yang:

- Wujud di bawah pengeluaran kelapa sawit; DAN
- Diperuntukkan untuk penanaman semula atau penanaman baru kelapa sawit; DAN
- Mungkin berpotensi diperuntukkan untuk penanaman baru kelapa sawit

PENTING Mengambil kira perbezaan dalam pematuhan keperluan dan proses perdagangan Standard dan pendekatan RSPO yang berbeza (RISS dan P&C), satu kumpulan TIDAK BOLEH dibentuk sekiranya mengikuti standard dan pendekatan yang berbeza (cth, Satu kumpulan tidak boleh mempunyai separuh ahli kumpulan yang diaudit terhadap P&C manakala separuh lagi diaudit terhadap Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO).

Kumpulan ini mestilah diaudit oleh juruaudit bertauliah RSPO terhadap kedua-dua syarat Sistem Pengurusan untuk Pensijilan Kumpulan dan P&C RSPO (tidak termasuk syarat untuk kilang).

Satu kumpulan boleh:

- dibentuk dengan sebarang bilangan pekebun kecil (Skim atau Bebas) dan/atau penanam sederhana, selagi pengurus kumpulan boleh menunjukkan kapasiti dan sumber yang mencukupi untuk menguruskan kumpulan.
- mengandungi pekebun kecil (Skim dan Bebas) dan/atau penanam sederhana berbeza saiz (tanpa kilang) yang bersetuju untuk membentuk entiti kumpulan.
- mengandungi pekebun kecil (Skim dan Bebas) dan/atau penanam sederhana yang terletak dalam bidang kuasa yang sama (tertakluk dibawah undang-undang yang sama dan lokasi geografi yang berdekatan).
- tidak mempunyai had atas jumlah hektar yang membentuk sebahagian daripada kumpulan.
- meneruskan Pensijilan P&C RSPO atas persetujuan semua ahli kumpulan.

Dokumen ini **TIDAK TERPAKAI** kepada kumpulan Pekebun Kecil Bebas yang mengejar Standard Pekebun Kecil Bebas; kilang yang mempunyai ladang sendiri (di bawah satu kawalan pengurusan) dan penanam dengan pegangan tanah lebih besar daripada 500 ha untuk memohon P&C RSPO secara bebas dan terus; dan kilang bebas untuk memohon P&C RSPO.

Walau bagaimanapun, wakil dari kilang dengan ladang mereka sendiri dan/atau kilang bebas dan/atau penanam boleh dilantik sebagai Pengurus Kumpulan sekumpulan pekebun kecil (Skim atau Bebas) dan/atau penanam sederhana yang ingin meneruskan pensijilan P&C melalui pendekatan ini (Pensijilan Kumpulan).

UNIT PENSIJILAN

Unit Pensijilan yang memohon Pensijilan Kumpulan untuk Pensijilan P&C adalah Pengurus Kumpulan dan SEMUA ahli kumpulan individu, meliputi plot gabungan setiap ahli kumpulan individu yang berada di bawah pengeluaran kelapa sawit, termasuk kawasan yang diketepikan untuk HCV, HCS dan mata pencarian.

Contoh Senario:

ABC Corporation mempunyai 500 ahli yang berdaftar sebagai ahli koperasi. Koperasi telah didaftar sebagai satu (1) entiti sah di bawah nama "ABC Corporation". Pada suatu hari, pengurus koperasi telah mengumumkan kepada 500 ahlinya bahawa pihak pengurusan telah memutuskan untuk koperasi diperakui di bawah skim RSPO. Daripada 500 ahli, hanya 200 ahli yang menyatakan minat mereka untuk diperakui di bawah skim RSPO.

Dalam senario sedemikian:

- ABC Corporation ialah entiti sah, yang berdaftar sebagai ahli RSPO;
- Kumpulan boleh diperakui di bawah Sistem Pensijilan Kumpulan RSPO;
- Standard yang digunakan ialah P&C; dan
- Unit pensijilan ialah Pengurus Kumpulan dan hanya 200 ahli yang telah menyatakan minat untuk diperakui di bawah skim RSPO.

Baki 300 ahli lagi yang tertakluk kepada pematuhan dengan perkara E2.1.3 dokumen ini, akan kekal sebagai ahli koperasi tetapi bukan sebahagian daripada Unit Pensijilan (UoC) dalam skim Pensijilan Kumpulan RSPO. Kesemua 300 ahli koperasi boleh menyertai kumpulan yang diperakui RSPO di peringkat kemudian apabila mereka telah bersedia.

1.3 SIJIL PEMATUHAN DAN TUNTUTAN

Sijil pematuhan RSPO dianugerahkan kepada Kumpulan secara keseluruhannya, dan dalam tambahan setiap ahli kumpulan individu (Skim atau Pekebun Kecil Bebas, penanam bebas dan/atau penanam sederhana) disenaraikan dengan saiz pegangan tanah mereka.

Kumpulan yang diperakui boleh menjual FFB mereka yang diperakui kepada kilang yang diperakui melalui model rantai bekalan fizikal atau sebagai Kredit RSPO. Satu tan FFB yang diperakui dipindahkan kepada tan Kredit Minyak Sawit Lestari yang Diperakui (CSPO) menggunakan kadar perahan minyak (OER) yang ditentukan sebanyak 20%, tertakluk kepada penentusahan dan pengesahan juruaudit. Kadar perahan isirong (KER) yang ditentukan juga wujud untuk minyak isirong pada $5% \times 0.45$ atau dedak isirong pada $5% \times 0.55$. Nilai purata sebenar boleh digunakan apabila disokong dengan bukti untuk nilai menyimpang, yang disahkan oleh juruaudit.

Kadar	Perahan	yang
Ditentukan:		
CSPO :	20%	
CSPKO :	$5% \times 0.45$	
CSPKE :	$5% \times 0.55$	

Nota: Nilai purata sebenar boleh digunakan apabila disokong dengan bukti untuk nilai menyimpang.

1.4 DOKUMENTASI BERKAITAN

Dokumen di bawah (versi terkini digunakan) adalah berkaitan dengan semua kumpulan yang ingin diperakui di bawah pensijilan kumpulan RSPO:

- Syarat Sistem Pengurusan untuk Pensijilan Kumpulan Pengeluaran FFB
- Prinsip & Kriteria (P&C) untuk Pengeluaran Minyak Sawit Lestari
- Sistem Pensijilan RSPO untuk P&C dan Standard Pekebun Kecil Bebas (ISH)
- Prosedur Penanaman Baru (NPP) RSPO

Semua syarat RSPO lain juga terpakai kepada keseluruhan kumpulan atau sebahagian daripada ahli kumpulan, seperti yang disenaraikan di bawah (tidak menyeluruh):

- Kod Tatalaku RSPO untuk Ahli
- Komunikasi Tahunan bagi Kemajuan (ACOP)
- Prosedur Pampasan dan Pemulihan RSPO (RaCP)
- Peraturan RSPO mengenai Komunikasi Pasaran dan Tuntutan

Versi terkini semua dokumen akan sentiasa diguna pakai.

SEKSYEN 2. SYARAT SISTEM UNTUK PENGURUSAN KUMPULAN

Tiga elemen berikut menggariskan syarat untuk Sistem Pensijilan Kumpulan:

- Elemen 1: Syarat Entiti Kumpulan dan Pengurusan Kumpulan
- Elemen 2: Sistem Kawalan Dalaman – Dasar dan pengurusan
- Elemen 3: Sistem Kawalan Dalaman – Operasi

2.1 ELEMEN 1 (E1): SYARAT ENTITI KUMPULAN DAN PENGURUSAN KUMPULAN

E1.1 Entiti Kumpulan hendaklah dibentuk secara sah

Rasional: Bagi membolehkan terdapatnya hubungan komersial dalam urus niaga sijil FFB, entiti kumpulan membawa tanggungan yang memerlukan didaftarkan secara sah.

E1.1.1 Akan ada bukti dokumentari mengenai entiti yang dikenal pasti dengan jelas dan sah. Entiti Kumpulan hendaklah:

- menjadi organisasi berdaftar seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang di negara pendaftaran (cth, sebagai syarikat atau organisasi).
- menjadi ahli RSPO
- mewujudkan struktur organisasi
- melantik Pengurus Kumpulan (lihat E1.2)

E1.1.2 Entiti Kumpulan hendaklah mempunyai syarat keahlian yang didokumenkan untuk penyertaan ahli individu dalam Kumpulan yang juga akan merangkumi ahli baharu.

- Akan ada bukti dokumentari bahawa ahli kumpulan telah menyertai kumpulan secara rasmi.
- Ahli rasmi kumpulan hendaklah menandatangani persetujuan dengan Pengurus Kumpulan yang komited untuk mencapai pematuhan dengan standard RSPO dan syarat yang berkenaan.
- Pengurus Kumpulan hendaklah menyimpan salinan perjanjian dan hendaklah menunjukkan bahawa setiap ahli telah menerima salinannya.
- Pengurus Kumpulan hendaklah menyimpan salinan untuk sekurang-kurangnya lima tahun.

E1.1.3 Pengurus Kumpulan hendaklah menyimpan bukti bahawa sifat dan struktur kumpulan telah dimaklumkan kepada semua ahli Kumpulan dengan cara yang sewajarnya.

PANDUAN UNTUK JURUAUDIT:

Juruaudit perlu menyemak:

- *dokumen rasmi untuk pendaftaran Entiti Kumpulan mengikut undang-undang di negara pendaftaran*
- *nombor pendaftaran RSPO*
- *dokumen yang menggariskan struktur organisasi dan fungsinya*
- *semua dokumen keahlian yang berkaitan*

E1.2 Kumpulan hendaklah diuruskan oleh Pengurus Kumpulan

E1.2.1 Pengurus Kumpulan yang dilantik hendaklah sama ada entiti undang-undang yang dikenal pasti atau individu yang bertindak bagi pihak entiti undang-undang tersebut, iaitu Entiti Kumpulan (E1.1.1).

Pengurus Kumpulan hendaklah memastikan pematuhan kumpulan dengan syarat Sistem Pensijilan Kumpulan dan bertanggungjawab untuk penyediaan dan pelaksanaan Sistem Kawalan Dalaman (ICS).

Sekiranya Pengurus Kumpulan bukan individu tetapi sebuah entiti:

- maka entiti hendaklah melantik seseorang individu sebagai wakil pengurusan; dan
- akan ada penerangan mengenai struktur umum yang memperincikan tentang kedudukan dan tanggungjawab semua kakitangan yang terlibat.

E1.2.2 Pengurus Kumpulan akan dapat menunjukkan sumber dan kapasiti yang mencukupi untuk menguruskan prestasi kumpulan ke arah pematuhan dengan P&C RSPO.

Panduan:

Pengurus Kumpulan seharusnya mempunyai kapasiti untuk mengawal, memantau dan menilai semua ahli mengenai pematuhan mereka dengan P&C RSPO, termasuk berkomunikasi dengan mereka dan melawat mereka mengikut kekerapan yang diperlukan.

Secara khususnya, Pengurus Kumpulan seharusnya dapat menunjukkan kemahiran untuk:

- menguruskan Prosedur dan Dokumentasi Kumpulan yang dikenali sebagai ICS
- mentakrifkan syarat keahlian Kumpulan.
- memastikan pematuhan dengan Sistem Pensijilan Kumpulan dan P&C RSPO, termasuk sebarang tindakan pembetulan yang dibangkitkan oleh badan pensijilan dapat ditangani dengan sewajarnya dalam jangka masa yang dipersetujui.
- memastikan pematuhan dengan semua syarat RSPO lain yang berkaitan seperti yang digariskan dalam Seksyen 1.4, mengambil kira bahawa kebolegunaan mungkin bergantung pada ciri-ciri atau saiz ladang penanam individu.
- menunjukkan sumber yang mencukupi – iaitu manusia, kewangan, fizikal dan lain-lain sumber yang berkaitan – untuk membolehkan pengurusan teknikal dan pentadbiran Kumpulan yang berkesan dan saksama.

E1.2.3 Pengurus Kumpulan dan/atau kakitangan mereka akan dapat menunjukkan kecekapan dan pengetahuan mengenai versi terkini:

- P&C RSPO dan/atau Interpretasi Nasional yang berkenaan
- Sistem Pensijilan untuk P&C dan Standard Pekebun Kecil Bebas
- Sistem Pensijilan Kumpulan untuk pengeluaran FFB
- Platform IT RSPO (PalmTrace) untuk berdagang produk yang diperakui kumpulan bagi kedua-dua jualan fizikal dan kredit
- Prosedur dan polisi kumpulan dalaman

Panduan:

Pengurus Kumpulan dan/atau wakilnya hendaklah menyertai latihan Platform IT RSPO yang dianjurkan oleh Sekretariat RSPO.

Nota: Pengurus Kumpulan dan/atau wakilnya adalah digalakkan untuk turut menghadiri latihan berkaitan pengurusan dan operasi yang mana memberi manfaat kepada kumpulan.

E1.2.4 Pengurus Kumpulan hendaklah menyediakan ahli Kumpulan yang berpotensi dan sedia ada dengan perkara berikut:

- penjelasan mengenai proses pensijilan RSPO.
- penjelasan mengenai kriteria untuk keahlian kumpulan.
- penjelasan mengenai keperluan Pengurus Kumpulan dan hak badan pensijilan untuk mengakses dokumentasi dan perladangan ahli kumpulan untuk tujuan penilaian dan

- pemantauan.
- penjelasan mengenai badan pensijilan dan syarat RSPO berkenaan dengan maklumat awam.
- penjelasan mengenai sebarang kewajipan berkenaan dengan keahlian kumpulan, seperti:
 - penyelenggaraan maklumat untuk tujuan pemantauan;
 - keperluan untuk mematuhi syarat-syarat atau tindakan pembetulan yang dikeluarkan oleh badan pensijilan.
 - sebarang kos yang berkaitan dengan keahlian kumpulan
 - kewajipan lain keahlian kumpulan

2.2 ELEMEN 2 (E2): SISTEM KAWALAN DALAMAN – DASAR DAN PENGURUSAN

E.2.1 Sistem Kawalan Dalaman Kumpulan hendaklah mengandungi polisi dan prosedur yang didokumenkan untuk pengurusan operasi

E2.1.1 Sistem Kawalan Dalaman Kumpulan hendaklah mengandungi prosedur untuk membuat keputusan dan tanggungjawab dalam kumpulan (termasuk kuasa Pengurus Kumpulan).

E2.1.2 Pengurus Kumpulan hendaklah menguruskan Kumpulan secara sistematik dan berkesan dengan:

- mengenal pasti kawasan geografi yang akan diliputi oleh Kumpulan.
- menyediakan, mengekal dan mendokumenkan struktur pengurusan Kumpulan
- mengenal pasti dengan jelas tanggungjawab semua individu yang diambil bekerja oleh Kumpulan
- menyediakan dan mengekalkan peraturan Kumpulan termasuk kriteria untuk keahlian dan prosedur untuk penyingkiran dan/atau sekatan bagi ahli yang tidak patuh dengan syarat pensijilan kumpulan.
- menganjurkan sekurang-kurangnya satu mesyuarat kumpulan setiap tahun.
- mentakrifkan prosedur untuk audit jurang awal yang mana boleh menjadi penilaian sendiri.

E2.1.3 Sistem Kawalan Dalaman Kumpulan hendaklah menyertakan prosedur audit jurang awal (iaitu penilaian dasar dan keperluan untuk pematuhan) sebagai prasyarat bagi pemohon yang ingin menyertai Kumpulan. Audit jurang awal dengan ahli sedia ada dan mana-mana ahli baharu yang berpotensi hendaklah dijalankan untuk menilai perkara berikut (sekurang-kurangnya):

- Hak milik tanah atau hak untuk menggunakan tanah dapat ditunjukkan.
- Tiada konflik tanah sedia ada.
- Tiada penanaman yang telah menggantikan hutan primer atau menjejaskan satu atau lebih Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) dan Pendekatan Stok Karbon Tinggi (HCSA) (P&C RSPO 2018, Kriteria 7.12) *(Nota: Dalam kes Pekebun Kecil Skim, syarikat (memiliki/menguruskan kilang) memegang tanggungjawab untuk pampasan bagi mana-mana penanaman baru yang dijalankan sejak bulan November 2005).*
- Penanaman sedia ada di atas tanah gambut dan/atau terain curam.
- Sekiranya terdapat penanaman sedia ada di atas tanah gambut, rejim dan status pengurusan.
- Tiada penanaman baru di atas tanah gambut dan/atau status penanaman sedia ada di atas tanah gambut.
- Status dan sumber pekerja.

E2.1.4 ICS Kumpulan hendaklah mengandungi prosedur bagi memelihara rekod untuk semua ahli

Kumpulan. Rekod hendaklah dikemas kini pada setiap masa untuk semua ahli Kumpulan.

E2.1.5 Pengurus Kumpulan hendaklah melaksanakan satu sistem untuk memelihara rekod dan laporan pusat berikut:

- Senarai nama dan butiran hubungan penuh ahli kumpulan dan kaedah komunikasi yang berkenaan.
- Peta lokasi (termasuk geolokasi). Keluasan kelapa sawit dalam hektar.
- Hakmilik tanah/hak penggunaan tanah
- Satu salinan pengisytiharan yang ditandatangani oleh penanam yang menjadi ahli kumpulan, termasuk tarikh.
- Nombor pendaftaran ahli yang unik diberikan kepada ahli individu.
- Tarikh ketika ahli menandatangani pengisytiharan niat seperti yang dinyatakan dalam Syarat Keahlian Kumpulan.
- Tarikh meninggalkan Kumpulan sekiranya berkenaan dan alasan mengapa.
- Unjuran dan pengeluaran FFB sebenar dalam tan metrik setiap tahun
- Rekod pemantauan dan latihan.
- Sebarang tindakan pembetulan yang dibangkitkan dan tindakan yang diambil untuk memenuhi syarat pematuhan.

E2.1.6 Rekod kumpulan yang berkaitan hendaklah diarkibkan sekurang-kurangnya selama 5 tahun dengan menggunakan sistem yang selamat yang sesuai, dan hendaklah dikemas kini pada setiap masa untuk ahli Kumpulan.

2.3 ELEMEN 3 (E3): SISTEM KAWALAN DALAMAN - OPERASI

E3.1 Sistem Kawalan Dalaman Kumpulan hendaklah membangun dan melaksanakan program audit dalaman ahli Kumpulan.

E3.1.1 Pengurus Kumpulan hendaklah mewujudkan, melaksana dan mengekalkan (satu) prosedur (-prosedur) untuk audit dalaman. Secara minimum, maklumat berikut hendaklah disertakan (tetapi tidak terhad kepada):

- Kaedah, kecekapan juruaudit dalaman, kriteria audit, kekerapan audit dalaman, dan menangani ketidakpatuhan
- Menjadualkan audit dalaman tahunan ahli Kumpulan dalam usaha untuk mengesahkan kepatuhan berterusan dengan semua syarat Pensijilan Kumpulan.
- Penyelenggaraan semua rekod audit dalaman.

Panduan:

Audit dalaman perlu menjadi proses yang sistematik dan didokumenkan. Terdapat kursus latihan tersedia tentang ini, iaitu Audit Dalaman ISO.

Rekod audit dalaman perlu dipelihara untuk sekurang-kurangnya selama lima tahun. Audit dalaman tambahan hendaklah dijadualkan apabila timbulnya masalah yang berpotensi atau apabila Pengurus Kumpulan menerima maklumat daripada pihak berkepentingan mengenai dakwaan ketidakpatuhan oleh ahli Kumpulan.

E3.1.2 Pengurus Kumpulan hendaklah menjalankan audit dalaman tahunan untuk semua ahli kumpulan seperti yang dirancang.

E3.1.3 Pengurus Kumpulan dan juruaudit dalaman hendaklah bersama-sama mengisytiharkan tiada konflik kepentingan untuk proses audit dalaman.

E3.1.4 Pengurus Kumpulan hendaklah menjalankan penilaian risiko ahli Kumpulan untuk mengenal pasti intensiti persampelan yang sesuai bagi ahli Kumpulan untuk penilaian pensijilan.

PANDUAN UNTUK JURUAUDIT:

Juruaudit hendaklah menilai kecukupan penilaian risiko dan persampelan yang dijalankan oleh Pengurus Kumpulan .

Penilaian risiko hendaklah mengambil kira:

- kepelbagaian ahli Kumpulan (iaitu pelbagai saiz, struktur pengurusan, ahli yang berselerak dengan landskap ladang yang pelbagai seperti terain, dsb.)
- sebarang risiko yang dirasakan berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan (cth, berapa banyak penanaman semula atau pengembangan yang berlaku, berapa ramai ahli yang baharu dan untuk penilaian berikutnya, sama ada terdapat sejarah ketidakpatuhan).

Panduan:

Kumpulan berisiko rendah adalah di mana Kumpulan tersebut secara relatifnya adalah homogen iaitu dari segi geografi dan sosioekonomi dan di mana tiada aktiviti penanaman semula semasa, tiada pengembangan semasa, tiada ahli baharu, Kumpulan dan pengurusnya yang sudah mantap, dan untuk penilaian berikutnya, tiada sejarah ketidakpatuhan.

Kumpulan berisiko sederhana ialah mereka yang mempunyai beberapa keseragaman tetapi tidak seragam dalam seluruh Kumpulan. Tiada penanaman semula dan/atau pengembangan tetapi pengurusan Kumpulan mempunyai sejarah ketidakpatuhan.

Kumpulan berisiko tinggi ialah kumpulan yang mempunyai kepelbagaian yang besar dalam Kumpulan (cth, terpisah dari sudut geografi atau bidang kuasa, terain yang sangat berbeza, tahap pengalaman penanaman kelapa sawit yang berbeza, saiz ladang yang sangat pelbagai, situasi sosioekonomi yang berbeza dalam kalangan ahli, dsb.), di mana terdapat pengembangan atau penanaman semula terkini, dan/atau di mana pengurusan Kumpulan baru-baru ini telah melakukan perubahan.

Saiz minimum pensampelan hendaklah 4. Bagi kumpulan dengan ahli yang kurang daripada 4, 100% ahlinya hendaklah di audit.

Penilaian risiko akan dijalankan terhadap P&C RSPO penuh tanpa syarat kilang.

Tahap risiko saiz untuk kumpulan ditentukan mengikut nombor oleh formula di bawah: Untuk panduan, tahap risiko hendaklah ditetapkan pada:

Tahap 1 – berisiko rendah

Tahap 2 – berisiko sederhana

Tahap 3 – berisiko tinggi

Saiz sampel hendaklah kemudiannya ditentukan oleh formula $(0.8\sqrt{y}) \times (z)$, di mana z adalah pengganda yang ditakrifkan oleh penilaian risiko. Penggandaan adalah ditetapkan seperti berikut:

Risiko rendah = pengganda 1

Risiko sederhana = pengganda 1.2

Risiko tinggi = pengganda 1.4

Bilangan ahli kumpulan = y	Minimum (garis dasar) = $0.8\sqrt{y}$	Tahap 1 – Risiko rendah = $(0.8\sqrt{y}) \times (1)$	Tahap 2 – Risiko sederhana = $(0.8\sqrt{y}) \times (1.2)$	Tahap 3 – Risiko tinggi = $(0.8\sqrt{y}) \times (1.4)$
8	n.a. minimum sentiasa 4 (hasil hanyalah 2)	n.a. minimum sentiasa 4 (hasil hanyalah 2)	n.a. minimum sentiasa 4 (hasil hanyalah 2)	4
14	n.a. minimum sentiasa 4 (hasil hanyalah 3)	n.a. minimum sentiasa 4 (hasil hanyalah 3)	4	5
25	4	4	4	6
39	5	5	6	7
56	6	6	7	8
75	7	7	8	10
100	8	8	10	11
500	18	18	21	25
1000	26	26	30	35
2500	40	40	48	56
3600	48	48	58	67

Nota: Saiz sampel sentiasa dibundarkan ke atas (cth, 2.4 dibundarkan kepada 3). Pembundaran dibuat sebagai langkah terakhir dalam pengiraan.

Contoh Senario:

Contoh 1

Satu kumpulan dibentuk daripada 100 ahli:

Kumpulan telah dibentuk selama 10 tahun di bawah Pengurus Kumpulan yang sama dan semua kebun kecil mempunyai saiz yang sama dan semuanya terletak di lembah yang sama, yang mana mempunyai terain yang rata. Semua pokok kelapa sawit berumur antara 6 dan 15 tahun dan tiada ahli Kumpulan yang mempunyai pinjaman atau hutang dan tanah semuanya adalah di bawah pemilikan matriarki. Ini mewakili situasi berisiko rendah dan kesemuanya mempunyai faktor risiko 1. Oleh itu, bilangan ahli Kumpulan yang akan diaudit ialah 8 daripada 100 ahli (berdasarkan Jadual di atas).

Contoh 2

Satu kumpulan dibentuk daripada 100 ahli:

Kumpulan telah bersama selama 10 tahun di bawah Pengurus Kumpulan yang sama dan semua kebun kecil mempunyai saiz yang sama dan semuanya terletak di lembah yang sama, yang mana mempunyai terain yang rata. 80 orang daripada Ahli Kumpulan mempunyai pokok kelapa sawit yang berumur antara 6 dan 15 tahun tetapi 20 ahli lagi sedang menanam semula. Tiada ahli Kumpulan yang mempunyai pinjaman atau hutang dan tanah semuanya adalah di bawah pemilikan matriarki. Ini mewakili situasi berisiko rendah untuk 80 ahli Kumpulan yang mempunyai pokok kelapa sawit yang berumur antara 6 dan 15 tahun (faktor risiko 1 dan oleh itu kadar persampelan sebanyak 8 daripada 80 ahli Kumpulan) dan situasi berisiko tinggi untuk 20 ahli Kumpulan yang menanam semula (faktor risiko 3 dan oleh itu kadar pensampelan sebanyak 6 daripada 20 ahli Kumpulan daripada Sub-Kumpulan penanaman semula berisiko tinggi ini). Secara keseluruhannya $8 + 6 = 14$ ahli akan diaudit.

Contoh 3

Satu kumpulan dibentuk daripada 100 ahli:

Kumpulan telah bersama selama 10 tahun di bawah Pengurus Kumpulan yang sama dan semua kebun kecil mempunyai saiz yang sama dan semuanya terletak di lembah yang sama, yang mana mempunyai terain yang rata. 80 orang daripada Ahli Kumpulan mempunyai pokok kelapa sawit yang berumur antara 6 dan 15 tahun tetapi 20 ahli lagi baru sahaja menyertai. Tiada ahli Kumpulan yang mempunyai pinjaman atau hutang dan tanah semuanya adalah di bawah pemilikan matriarki. Daripada 80 ahli Kumpulan yang mempunyai pokok kelapa sawit yang berumur antara 6 dan 15 tahun, 40 mempunyai ketidakpatuhan sebelumnya. Ini mewakili situasi berisiko rendah untuk 40 ahli yang tidak mempunyai sejarah ketidakpatuhan (faktor risiko 1 dan kadar pensampelan sebanyak 6 daripada 40). Terdapat risiko sederhana untuk 40 ahli lain yang mempunyai ketidakpatuhan sebelum ini dan oleh itu faktor risiko 2 dan oleh itu kadar pensampelan sebanyak 7 daripada 40 ahli Kumpulan. Terdapat situasi berisiko tinggi dengan 20 ahli baharu yang telah menyertai Kumpulan dan ini mempunyai faktor risiko sebanyak 3 dan oleh itu kadar pensampelan adalah sebanyak 6 daripada 20 untuk Sub-Kumpulan ini. Secara keseluruhannya $6 + 7 + 6 = 19$ ahli akan diaudit.

Contoh 4

Satu kumpulan dibentuk daripada 100 ahli:

Kumpulan terdiri daripada 20 penanam dengan saiz ladang melebihi 50 ha setiap satu dan 80 penanam dengan saiz ladang sehingga 50 ha setiap satu. Penanam yang lebih besar dalam kumpulan semuanya telah lama menubuhkan ladang dalam landskap pertanian semata-mata yang telah lama wujud, manakala separuh daripada penanam yang lebih kecil hanya memulakan operasi kelapa sawit sejak beberapa tahun lalu dan terletak berhampiran dengan kawasan tadahan air yang penting. Selebihnya penanam yang lebih kecil adalah jiran penanam yang lebih besar dalam landskap pertanian semata-mata yang telah lama wujud yang sama. Terdapat risiko yang rendah untuk penanam yang lebih besar dan untuk separuh daripada penanam yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, separuh lagi penanam yang lebih kecil membentuk risiko yang tinggi. Sampel dikira seperti berikut: faktor risiko 1 digunakan untuk penanam yang lebih besar, mengakibatkan 4 daripada 20 diaudit; faktor risiko 1 digunakan untuk separuh daripada penanam yang lebih kecil, mengakibatkan 6 daripada 40 yang akan diaudit; faktor risiko 3 digunakan untuk separuh lagi penanam yang lebih kecil, mengakibatkan 8 daripada 40 diaudit. Secara keseluruhannya $4+6+8=18$ akan diaudit.

E3.2 Sistem Kawalan Dalam Kumpulan akan merangkumi satu sistem sedia ada untuk membolehkan dagangan Buah Tandan Segar (FFB) yang diperakui RSPO yang dikeluarkan daripada Kumpulan.

E3.2.1 Pengurus Kumpulan akan mendokumenkan dan melaksanakan satu sistem penjejakan dan pengesanan FFB yang dikeluarkan oleh ahli kumpulan dan bertujuan untuk dijual sebagai FFB yang diperakui RSPO.

E3.2.2 Kumpulan akan mengeluarkan 100% CFFB dan berdagang di bawah Sistem Rantaian Bekalan RSPO. Satu prosedur Kumpulan bersama akan diwujudkan bagi penjualan semua FFB yang diperakui dan untuk memastikan bahawa FFB tidak diperakui tidak bercampur dengan FFB diperakui.

Nota Prosedur:

Kumpulan tidak boleh mencampurkan FFB diperakui dengan yang tidak diperakui. Jika CFFB dicampurkan dengan FFB tidak diperakui sebelum penjualan dan penghantaran ke kilang minyak sawit, maka keseluruhan FFB tidak boleh dianggap sebagai diperakui.

Kilang perlu mengetahui jumlah FFB diperakui yang dihantar ke kilang. Ini dilakukan dengan cara menimbang FFB yang biasanya dilakukan di tapak kilang. Jika FFB diperakui dan yang tidak diperakui dicampurkan di pusat pengumpulan, mustahil bagi kilang menentukan jumlah FFB diperakui dan yang tidak diperakui.

Kumpulan boleh menjual Kredit CSPO, di mana FFB fizikal akan didagangkan sebagai konvensional (tidak diperakui).

E3.2.3 Semua penjualan FFB yang berasal dari ladang ahli Kumpulan akan didokumenkan dan direkodkan.

Ini akan termasuk:

- Nombor pengenalan kumpulan ahli kumpulan yang berkenaan.
- Invois dan resit (belian dan jualan).
- Maklumat tentang pengangkutan (iaitu nombor pendaftaran/plat nombor)
- Maklumat tentang harga FFB.
- Pengelasan FFB yang dijual (iaitu sama ada diperakui RSPO atau tidak), jumlah FFB dan destinasi.
- Maklumat geolokasi sumber asal FFB.
- Bukti status pemilikan atau hak/tuntutan kepada tanah oleh penanam/pekebun kecil.
- Jika terpakai, lesen penanaman/pengendalian/dagangan yang sah, atau sama ada ia sebahagian daripada koperasi yang membenarkan pembelian dan penjualan FFB.

E3.2.4 Pengurus Kumpulan akan menyimpan salinan semua dokumentasi dan rekod yang disebutkan dalam E3.2.3 berkaitan dengan transaksi CFFB Kumpulan untuk tempoh minimum 5 tahun.

E3.2.5 Untuk menjual FFB diperakui, pedagang FFB mestilah sama ada sebahagian daripada sistem pengurusan Kumpulan yang mematuhi garis panduan ini atau Rantaian Bekalan RSPO yang diperakui. Jika Pedagang FFB adalah Rantaian Bekalan RSPO yang diperakui, satu salinan sijil tersebut mestilah diberikan kepada Pengurus Kumpulan.

E3.2.6 Pengurus Kumpulan akan memastikan bahawa sebarang dagangan yang dibuat melalui pedagang mempunyai prosedur yang jelas bagi memastikan pengiraannya tepat dan bahawa semua FFB yang dijual oleh pedagang boleh dijejak semula kepada ahli Kumpulan. Hendaklah wujud satu kontrak antara pedagang FFB dan Pengurus Kumpulan, dan pedagang FFB tersebut mestilah menyimpan rekod belian dan jualan yang lengkap.

Panduan:

- *Hendaklah wujud satu kontrak antara pedagang FFB dan Pengurus Kumpulan.*
- *Pedagang FFB mestilah menyimpan rekod belian dan jualan yang lengkap.*
- *Jika Pedagang FFB itu adalah Rantaian Bekalan RSPO yang diperakui, satu salinan sijil tersebut mestilah diberikan kepada Pengurus Kumpulan.*



Istilah	Definisi	Sumber
	<p>Definisi umum bagi pekebun kecil yang dinyatakan dalam kotak ini boleh digunakan sebagai panduan dalam ketiadaan Interpretasi Nasional (NI). Sebagai sebahagian daripada proses NI (termasuk Interpretasi Tempatan dan NI Negara Pengeluar Kecil) definisi umum istilah di atas boleh dihuraikan. Jika perlu, pekebun kecil boleh dibahagikan kepada Bebas atau Skim.</p>	
Pekebun Kecil	<p>Pekebun yang menanam kelapa sawit, kadangkala disertai dengan pengeluaran tanaman sara diri yang lain, di mana majoriti buruh adalah dalam kalangan ahli keluarga dan kebun tersebut memberikan sumber pendapatan utama dan saiz kawasan penanaman kelapa sawit biasanya di bawah 50 hektar.</p>	P&C RSP (2018)
Pekebun Kecil Skim	<p>Pekebun, tuan tanah atau wakil mereka yang tidak mempunyai:</p> <ul style="list-style-type: none"> kuasa membuat keputusan yang boleh dikuatkuasakan terhadap pengendalian tanah dan amalan pengeluaran; dan/atau kebebasan untuk memilih cara menggunakan tanah mereka, jenis tanaman untuk ditanam, dan bagaimana mereka menguruskan tanah (sama ada dan bagaimana mereka mengatur, mengurus dan membiayai tanah tersebut). 	Standard Pekebun Kecil Bebas RSP (2019)
Pekebun Kecil Bebas	<p>Semua pekebun kecil yang tidak dianggap sebagai Pekebun Kecil Skim (lihat definisi Pekebun Kecil Skim di atas) dianggap sebagai Pekebun Kecil Bebas.</p>	Standard Pekebun Kecil Bebas RSP (2019)
Pensijilan kumpulan	<p>Pensijilan bersama sekumpulan penanam kelapa sawit dengan pensijilan tersebut terpakai kepada seluruh kumpulan.</p>	Pensijilan Kumpulan (2018)
Pengurus Kumpulan	<p>Orang perseorangan, sekumpulan orang atau organisasi yang bertanggungjawab menguruskan Sistem Kawalan Dalaman dan menguruskan kumpulan tersebut. Ini boleh jadi kilang, sebuah organisasi atau individu.</p>	Standard Pekebun Kecil Bebas RSP (2019)
Ahli kumpulan	<p>Penanam individu yang turut serta secara rasmi dalam sesebuah kumpulan yang cuba mendapatkan pensijilan FFB di bawah standard ini.</p>	Pensijilan Kumpulan (2018)
Penanam	<p>Penanam ialah tuan tanah atau perniagaan kecil dengan saiz 500 hektar atau lebih (terkumpul), yang menanam dan menuai kelapa sawit.</p>	Pasukan Petugas Penanam Sederhana 2021
Juruaudit dalaman	<p>Orang perseorangan atau organisasi yang dilantik oleh Pengurus Kumpulan untuk menjalankan pemeriksaan dalaman terhadap ahli kumpulan berhubung dengan pematuhan terhadap standard dan dasar RSP yang berkenaan, dan terhadap syarat keahlian.</p>	Pensijilan Kumpulan (2018)
Sistem Kawalan Dalaman (ICS)	<p>Satu set prosedur dan proses berdokumen yang dilaksanakan oleh sesebuah kumpulan untuk mencapai syarat tertentu. ICS boleh mentakrifkan peranan kumpulan yang lebih luas, tidak terlibat secara langsung dalam pensijilan, dan boleh merangkumi pedagang FFB, Pengurus Kumpulan, penyedia pengangkutan dsb.</p>	Pensijilan Kumpulan (2018)
Penanam	<p>Orang perseorangan atau entiti yang memiliki dan/atau menguruskan</p>	Pensijilan

bebas	sebuah kawasan pembangunan kelapa sawit dan yang tidak terikat oleh mana-mana kontrak, perjanjian kredit atau perancangan kepada sebuah kilang tertentu.	Kumpulan (2018)
Kilang bebas	Sebuah kilang yang beroperasi secara bebas dan tidak mempunyai hubungan sah dengan mana-mana ladang tertentu. Ini termasuk melalui syarikat induk atau syarikat subsidiari dan mengambil kira ketersampaian ladang tersebut secara geografi.	Standard Pensijilan Kitaran Bekalan (2020)
Penanam sederhana	Penanam sederhana ialah tuan tanah atau perniagaan kecil dengan lebih daripada 50 hektar dan sehingga 500 hektar (terkumpul), yang menanam dan menuai kelapa sawit menggunakan buruh berbayar berbanding buruh keluarga. Mereka mungkin mempunyai berbilang sumber pendapatan termasuk berbilang tanaman, mungkin tidak tinggal berhampiran kawasan penanaman kelapa sawit dan mungkin mempunyai kakitangan pentadbiran. <i>Nota: Interpretasi Nasional digalakkan. Definisi penanam sederhana adalah tertakluk kepada perubahan selaras dengan semakan P&C dan Standard ISH</i>	Pasukan Petugas Penanam Sederhana 2021
Kilang-dengan-pangkalan-bekalan	Bagi tujuan dokumen ini, istilah “kilang-dengan-pangkalan-bekalan” digunakan untuk merujuk kepada kilang yang mempunyai ladang(-ladang) mereka sendiri. Kilang-dengan-pangkalan-bekalan perlu mematuhi pensijilan P&C RSPO bagi operasi mereka sendiri, manakala kilang bebas hanya perlu pensijilan SCC RSPO. Kilang-dengan-pangkalan-bekalan dalam konteks Pensijilan Kumpulan adalah konsep yang relevan untuk pensijilan Pekebun Kecil Skim, pekebun kecil bersekutu dan pengusaha luar (lihat seksyen 1.3 dokumen ini) dan oleh itu pembezaan yang lebih jelas ini digunakan.	Pensijilan Kumpulan (2018)
Interpretasi Nasional	Interpretasi Prinsip & Kriteria Umum RSPO bagi sesebuah negara tertentu.	Pensijilan Kumpulan (2018)
Pengusaha Luar	Pekebun, di mana penjualan FFB dikontrakkan secara eksklusif kepada unit pensijilan. Pengusaha luar boleh jadi pekebun kecil.	P&C RSPO (2018)
Hak-hak	Prinsip undang-undang, sosial atau etika kebebasan atau kelayakan.	Pensijilan Kumpulan (2018)
Orang berkepentingan	Individu atau kumpulan dengan kepentingan sah dan/atau yang ditunjukkan, atau yang terjejas secara langsung oleh aktiviti sesebuah organisasi dan akibat daripada aktiviti-aktiviti tersebut.	Pensijilan Kumpulan (2018)

LAMPIRAN II. PILIHAN PENSIJILAN (ILUSTRASI RINGKAS)



Ada 15 kemungkinan variasi atau jenis penanam ditetapkan di kawasan terlibat. Ia boleh digambarkan seperti berikut:

Senario	Jenis 1	Jenis 2	Jenis 3	Jenis 4
1	Ladang + Kilang	PK Skim	PK Bebas	Pengusaha luar (>50 hektar)
2	Ladang + Kilang	PK Skim	PK Bebas	
3	Ladang + Kilang	PK Skim		Pengusaha luar (>50 hektar)
4	Ladang + Kilang	PK Skim		
5	Ladang + Kilang		PK Bebas	Pengusaha luar (>50 hektar)
6	Ladang + Kilang		PK Bebas	
7	Ladang + Kilang			Pengusaha luar (>50 hektar)
8	Ladang + Kilang			
9		PK Skim	PK Bebas	Pengusaha luar (>50 hektar)
10		PK Skim	PK Bebas	
11		PK Skim		Pengusaha luar (>50 hektar)
12		PK Skim		
13			PK Bebas	Pengusaha luar (>50 hektar)
14			PK Bebas	
15				Pengusaha luar (>50 hektar)

Penanam kecil kelapa sawit biasanya menanam tanaman mereka dalam cara yang sama. Apa yang membezakan mereka adalah pelbagai cara mereka disusun dan akses kepada input yang boleh membangunkan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan menjurus kepada amalan Pengurusan Lebih Baik (BMP). Akses kepada input yang bertambah baik mengalir daripada penyusunan penanam kecil dan membentuk suatu persekitaran yang berdaya bagi penambahbaikan berterusan. Pelaksanaan P&C RSPO adalah satu pendekatan terbukti yang berjaya mencipta satu persekitaran berdaya bagi penanam kecil.

Menyusun penanam kecil menjadi sebuah persatuan atau kumpulan mencipta satu pendekatan sistematik terhadap pensijilan sebagai jentera bagi penyampaian GAP dan BMP dan membolehkan penggunaan ekonomi skala.

Tanpa mengira sama ada seorang pengusaha luar/pekebun kecil itu bebas atau sebaliknya, kaedah penting dalam mencapai pensijilan bergantung kepada pembentukan sebuah kumpulan dan pengurusan individu kemudiannya.

Berikut adalah pilihan pensijilan yang boleh dipilih berdasarkan jenis pengeluar kelapa sawit dan standard RSPO yang terpakai kepadanya.

Jenis pengeluar (Jika anda adalah...)	Pilihan Pensijilan	Standard RSPO Terpakai
Kilang-dengan-pangkalan bekalan	Pensijilan RPSO Prinsip & Kriteria	Prinsip & Kriteria (P&C)
Pengusaha luar	(I) Menyertai pangkalan bekalan sesebuah kilang untuk mendapatkan Sijil Prinsip & Kriteria RSPO	Prinsip & Kriteria (P&C)
	(ii) Menyertai sebuah kumpulan pekebun kecil dan/atau pengusaha luar, yang diuruskan oleh seorang Pengurus Kumpulan yang dilantik (boleh diwakili oleh kilang) untuk mendapatkan Sijil Kumpulan RSPO	Prinsip & Kriteria (P&C) & Sijil Kumpulan
Pekebun Kecil Skim	(I) Menyertai pangkalan bekalan sesebuah kilang untuk mendapatkan Sijil Prinsip & Kriteria RSPO	Prinsip & Kriteria (P&C)
	(ii) Menyertai sebuah kumpulan pekebun kecil dan/atau pengusaha luar, yang diuruskan oleh seorang Pengurus Kumpulan yang dilantik (boleh diwakili oleh kilang) untuk mendapatkan Sijil Kumpulan RSPO	Prinsip & Kriteria (P&C) & Sijil Kumpulan
Pekebun Kecil Bebas	(i) Menyertai pangkalan bekalan sesebuah kilang untuk mendapatkan Sijil Prinsip & Kriteria RSPO	Prinsip & Kriteria (P&C)
	(ii) Menyertai sebuah kumpulan pekebun kecil dan/atau pengusaha luar, yang diuruskan oleh seorang Pengurus Kumpulan yang dilantik (boleh diwakili oleh kilang) untuk mendapatkan Sijil Kumpulan RSPO	Prinsip & Kriteria (P&C) & Sijil Kumpulan
	(iii) Menyertai sebuah kumpulan Pekebun Kecil Bebas, yang diuruskan oleh seorang Pengurus Kumpulan yang dilantik, untuk mendapatkan Sijil Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO	Standard Pekebun Kecil Bebas (ISH)
Kilang Bebas	Sijil Rantaian Bekalan RSPO	Sijil Standard Rantaian Bekalan

LAMPIRAN III. PELAN TERIKAT MASA: PEKEBUN KECIL SKIM & PENGUSAHA LUAR SKIM



Sistem Pensijilan RSPO 2020 menghendaki ahli-ahli (kilang-dengan-pangkalan bekalan) supaya melaksanakan pelan terikat masa untuk memastikan semua Pekebun Kecil Skim dan pengusaha luar yang menyalurkan bekalan kepada kilang yang mempunyai sijil P&C untuk mendapatkan pensijilan dalam masa tiga tahun selepas kilang itu memperoleh sijilnya sendiri.

Seksyen 5.1.3 Sistem Pensijilan RSPO

Seksyen 5.1.3 Dokumen Sistem Pensijilan RSPO menyatakan, “Kilang hendaklah membangunkan dan melaksanakan satu rancangan terikat masa bagi memastikan bahawa 100% Pekebun Kecil Skim dan skim pengusaha luar mematuhi standard ini dalam masa tiga (3) tahun selepas kilang mendapat sijil pertamanya”. Kilang mestilah melakukan perkara ini, jika boleh, dengan memasukkan penanam-penanam ini ke dalam sijil P&C mereka sendiri atau mempunyai pilihan untuk menyokong penanam-penanam ini untuk mendapatkan sijil melalui sistem Pensijilan Kumpulan.

Sumber: Sistem Sertifikasi RSPO bagi Prinsip & Kristeria dan Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO, 12 November 2020.

Ahli-ahli RSPO (kilang-dengan-pangkalan bekalan) hendaklah, jika boleh, memasukkan Pekebun Kecil Skim dan pengusaha luar skim ke dalam sijil P&C mereka atau mempunyai pilihan untuk menyokong mereka mendapatkan sijil melalui sistem Pensijilan Kumpulan (bagi butiran lanjut, lihat di bawah).

Pilihan 1: Sijil P&C Tunggal

Sekiranya kilang telah membuat keputusan di peringkat pengurusan untuk memasukkan Pekebun Kecil Skim dan pengusaha luar ke dalam sijil P&C RSPO kilang itu, satu Sijil P&C tunggal akan dikeluarkan, yang merangkumi (senarai) semua pekebun kecil dan pengusaha luar di dalam sijil tersebut sebagai pangkalan bekalan kilang tersebut.

Kilang tersebut akan mematuhi syarat dalam P&C RSPO bagi kilang tersebut, ladang-ladangnya, semua Pekebun Kecil Skim, dan/atau pengusaha luar. Rujuk ilustrasi ringkas I. di bawah:



Ilustrasi I. Pilihan 1 Sijil P&C Tunggal.

Pilihan 2: Pensijilan Kumpulan Berasingan bagi Sijil P&C


Sekiranya ahli RSPO (kilang-dengan-pangkalan bekalan) telah membuat keputusan di peringkat pengurusan untuk menyokong Pekebun Kecil Skim dan pengusaha luar memperoleh sijil P&C RSPO mereka sendiri menggunakan model pensijilan berkumpulan:

- Ahli RSPO tersebut akan memperoleh Sijil P&C sendiri bagi kilang dan ladangnya; dan
- Menyokong kumpulan Pekebun Kecil Skim dan pengusaha luar dalam memperoleh Sijil P&C Kumpulan mereka melalui pensijilan berkumpulan, di mana ahli RSPO tersebut boleh menjadi Pengurus Kumpulan atau melalui pelantikan.

Dengan pilihan ini, dua sijil akan dikeluarkan:

- Sijil P&C bagi Ahli RSPO (kilang-dengan-pangkalan bekalan) bagi pengeluaran Minyak Sawit Lestari yang Diperakui (CSPO) dan Isirong Sawit Lestari yang Diperakui (CSPK); dan
- Sijil P&C (Pensijilan Kumpulan) bagi kumpulan Pekebun Kecil Skim dan pengusaha luar bagi pengeluaran Buah Tandan Segar yang Diperakui (CFFB).

Rujuk ilustrasi ringkas II. di bawah.



Ilustrasi II. Pilihan 2 Pensijilan Kumpulan Berasingan bagi Sijil P&C.

Walaupun ini bukanlah syarat bagi ahli RSPO, ahli-ahli RSPO (kilang-dengan-pangkalan bekalan), melalui Prinsip 5 P&C, bertanggungjawab menyokong kemasukan Pekebun Kecil Bebas. Jika boleh, ahli tersebut boleh menyokong Pekebun Kecil Bebas yang menyalurkan bekalan kepada kilangnya melalui pilihan yang disenaraikan:

Pilihan A1: Memasukkan ISH ke dalam Sijil Prinsip & Kriteria (P&C) tunggalnya

Sekiranya kilang telah membuat keputusan di peringkat pengurusan untuk memasukkan pekebun kecil (Bebas dan Skim) dan pengusaha luar dalam pensijilan P&C RSPO kilang, satu Sijil P&C tunggal akan dikeluarkan, merangkumkan (senarai) semua pekebun kecil (Bebas dan Skim) dan pengusaha luar dalam sijil tersebut sebagai pangkalan bekalan kilang.

Kilang akan mematuhi syarat dalam P&C RSPO bagi kilang tersebut, ladang miliknya, semua Pekebun Kecil Skim yang dirangkumi, semua Pekebun Kecil Bebas dan/atau pengusaha luar yang dirangkumi. Rujuk ilustrasi ringkas III. di bawah:



Ilustrasi III. Pilihan A1 Memasukkan ISH ke dalam Sijil Prinsip & Kriteria (P&C) tunggalnya..

Pilihan A2: Memasukkan ISH ke dalam satu kumpulan Pekebun Kecil Skim dan pengusaha luar sedia ada untuk Pensijilan Kumpulan P&C.


Sekiranya ahli RSPO (kilang-dengan-pangkalan bekalan) telah membuat keputusan di peringkat pengurusan untuk menyokong pekebun kecil (Bebas dan Skim) dan pengusaha luar dalam mendapatkan sijil P&C RSPO mereka sendiri menggunakan model pensijilan berkumpulan:

- Ahli RSPO tersebut akan memperoleh Sijil P&C sendiri bagi kilang dan ladangnya; dan
- Menyokong kumpulan pekebun kecil (Bebas dan Skim) dan pengusaha luar dalam mendapatkan Sijil Kumpulan P&C mereka melalui pensijilan berkumpulan, di mana ahli RSPO boleh menjadi Pengurus Kumpulan atau dilantik oleh kumpulan ini.

Dengan pilihan ini, dua sijil akan dikeluarkan:

- I. Sijil P&C bagi Ahli RSPO (kilang-dengan-pangkalan bekalan) untuk pengeluaran Minyak Sawit Lestari yang Diperakui (CSPO) dan Isirong Sawit Lestari yang Diperakui (CSPK);
- II. Sijil P&C (Pensijilan Berkumpulan) bagi kumpulan Pekebun Kecil Skim dan pengusaha luar untuk pengeluaran Buah Tandan Segar yang Diperakui (CFFB);

Rujuk ilustrasi ringkas IV. di bawah:



Ilustrasi IV. Pilihan A2 Memasukkan ISH ke dalam sebuah kumpulan Pekebun Kecil Skim dan pengusaha luar sedia ada untuk Pensijilan Kumpulan bagi P&C.

Pilihan A3: Menyokong ISH bagi satu Pensijilan Standard ISH yang berasingan.


Sekiranya ahli RSPO (kilang-dengan-pangkalan bekalan) telah membuat keputusan di peringkat pengurusan untuk menyokong Pekebun Kecil Bebas dalam mendapatkan sijil ISH RSPO mereka sendiri:

- Ahli RSPO tersebut akan memperoleh Sijil P&C sendiri bagi kilang dan ladangnya; dan
- Menyokong kumpulan Pekebun Kecil Bebas dalam memperoleh Sijil Standard ISH Kumpulan mereka sendiri, di mana ahli RSPO tersebut boleh menjadi Pengurus Kumpulan atau dilantik oleh Kumpulan tersebut.

Dengan pilihan ini, dua sijil akan dikeluarkan:

- I. Sijil P&C bagi Ahli RSPO (kilang-dengan-pangkalan bekalan) bagi pengeluaran Minyak Sawit Lestari yang Diperakui (CSPO) dan Isirong Sawit Lestari yang Diperakui (CSPK); dan
- II. Sijil ISH bagi kumpulan Pekebun Kecil Bebas bagi pengeluaran Buah Tandan Segar yang Diperakui (CFFB).

Rujuk ilustrasi ringkas V di bawah.



Ilustrasi V. Pilihan A3 Menyokong ISH untuk Pensijilan Standard ISH berasingan.

Nota: Pekebun Kecil Skim dan/atau pengusaha luar tidak boleh dimasukkan ke dalam pilihan ini. Pekebun Kecil Skim dan/atau penanam tidak boleh dimasukkan ke dalam kumpulan Pekebun Kecil Bebas ini untuk Sijil ISH RSPO.

Pilihan A4: Menyokong ISH, Pekebun Kecil Skim dan Pengusaha Luar untuk Pensijilan Berasingan
Dalam senario ini, di mana ahli RSPO (kilang-dengan-pangkalan bekalan) dengan Pekebun Kecil Skim dan pengusaha luar, serta ISH, telah membuat keputusan di peringkat pengurusan untuk cuba mendapatkan pensijilan berasingan:


- Ahli RSPO tersebut akan memperoleh Sijil P&C sendiri bagi kilang dan ladang miliknya;
- Menyokong kumpulan Pekebun Kecil Skim dan pengusaha luar dalam mendapatkan Sijil P&C Kumpulan mereka melalui pensijilan kumpulan, di mana ahli RSPO tersebut boleh menjadi Pengurus Kumpulan atau dilantik oleh Kumpulan ini; dan
- Menyokong Pekebun Kecil Bebas dalam memperoleh Sijil Standard ISH Kumpulan mereka, di mana ahli RSPO tersebut boleh menjadi Pengurus Kumpulan atau dilantik oleh Kumpulan ini.

Dengan pilihan ini, dua sijil akan dikeluarkan:

- I. Sijil P&C bagi Ahli RSPO (kilang-dengan-pangkalan bekalan) untuk pengeluaran Minyak Sawit Lestari yang Diperakui (CSPO) dan Isirong Sawit Lestari yang Diperakui (CSPK);
- II. Sijil P&C (Pensijilan Kumpulan) bagi kumpulan Pekebun Kecil Skim dan pengusaha luar untuk

pengeluaran Buah Tandan Segar yang Diperakui (CFFB); dan
 III. Sijil ISH bagi kumpulan Pekebun Kecil Bebas bagi pengeluaran Buah Tandan Segar yang Diperakui (CFFB).

Rujuk ilustrasi ringkas VI di bawah.



Ilustrasi VI. Pilihan A4 Menyokong ISH, Pekebun Kecil Skim & Pengusaha Luar untuk Pensijilan Berasingan

LAMPIRAN III. SENARAI DOKUMEN YANG AKAN DIBANGUNKAN, DIPERLUKAN UNTUK MEMATUHI P&C RSPO



Penunjuk P&C	Dokumentasi	Pengelasan
1.1.3	Rekod tentang maklumat yang diminta dan jawapan kepada pihak berkepentingan dan rekod komunikasi dan tindakan yang diambil sebagai respons terhadap input daripada pihak berkepentingan	Rekod
1.1.4	Prosedur rundingan dan komunikasi dengan pihak-pihak yang berminat	Prosedur
1.1.5	Senarai pihak berkepentingan	Senarai
1.2.1	Dasar yang komited kepada tatalaku etika dan integriti dalam semua operasi dan transaksi	Dasar
2.1.1	Satu sistem berdokumen tentang keperluan undang-undang	Sistem berdokumen
2.2.1	Senarai pihak-pihak berkontrak	Sistem berdokumen
3.1.1	Pelan perniagaan atau pelan pengurusan	Pelan
3.1.2	Program penanaman semula yang diunjurkan selama 5 tahun	Pelan
3.2.1	Pelan tindakan bagi penambahbaikan berterusan	Pelan
3.3.1	Prosedur Operasi Standard (SOP)	Prosedur
3.3.2	Rekod pemantauan dan pelaksanaan SOP	Rekod
3.4.1	Penilaian Impak Sosial dan Alam Sekitar (SEIA)	Penilaian
3.4.2 & 3.4.3	Pelan pengurusan dan pemantauan sosial dan alam sekitar	Pelan
3.7.1	Program latihan, termasuk penilaian berkala terhadap keperluan latihan	Pelan
3.7.2	Rekod latihan	Rekod
4.1.1	Dasar untuk menghormati hak asasi manusia, termasuk menghalang pembalasan terhadap Pembela Hak Asasi Manusia (HRD)	Dasar
4.5.1	Peta pada skala yang betul yang menunjukkan takat hak undang-undang, kelaziman atau pengguna yang diiktiraf – di mana terpakai	Peta
4.5.2	Prosedur untuk memastikan FPIC diperoleh bagi semua pembangunan kelapa sawit melalui proses yang komprehensif	Prosedur
4.6.1	Prosedur bagi pengenalpastian hak-hak undang-undang, kelaziman atau pengguna, dan prosedur bagi mengenal pasti orang yang layak mendapat pampasan	Prosedur

4.6.1, 4.7.1	Prosedur bagi pengenalanpastian orang yang layak mendapat pampasan sudah tersedia	Prosedur
4.6.2, 4.7.2	Prosedur bagi pengiraan dan pengagihan pampasan yang adil	Prosedur
4.8.4	Pemetaan secara penyertaan takat kawasan yang dipertikaikan – di mana terpakai	Peta
6.1.1	Dasar tanpa diskriminasi dan peluang sama rata yang tersedia kepada umum	Dasar
6.3.1	Kenyataan yang diterbitkan dalam bahasa tempatan yang mengiktiraf kebebasan berpersatuan hendaklah tersedia	Kenyataan
6.4.1	Dasar bagi perlindungan kanak-kanak, termasuk larangan buruh kanak-kanak dan pemulihan	Dasar
6.5.1	Dasar untuk menghalang gangguan dan keganasan seksual dan bentuk gangguan dan keganasan lain	Dasar
6.5.2	Dasar untuk melindungi hak-hak pembiakan semua orang, terutamanya wanita	Dasar
6.6.2	Dasar buruh dan prosedur untuk pekerja sementara atau pekerja hijrahan	Dasar & Prosedur
6.7.1	Rekod tentang masalah-masalah yang dibangkitkan dalam mesyuarat berkenaan kesihatan, keselamatan dan kebajikan antara orang yang bertanggungjawab dengan pekerja	Rekod
6.7.2	Prosedur kesihatan dan keselamatan	Prosedur
6.7.2	Prosedur kemalangan dan kecemasan	Prosedur
6.7.2	Rekod tentang semua kemalangan dan kecederaan (Kemalangan semasa bekerja)	Rekod
7.1.1	Pelan Pengurusan Makhluk Perosak Bersepadu (IPM)	Pelan
7.2.1	Pertimbangan berdokumen di mana racun perosak digunakan secara aerial	Dokumen
7.2.2	Rekod Racun Perosak (a.i., LD50, kawasan yang dirawat, jumlah a.e./hektar dan bilangan penggunaan)	Rekod
7.2.3	Pelan tentang Racun Perosak (keadaan-keadaan minimum dan terkecuali)	Pelan
7.3.1	Pelan pengurusan dan pelupusan sisa	Pelan
7.3.2	Prosedur pelupusan sisa	Prosedur
7.4.1	Prosedur bagi pengurusan tanah dan kesuburan	Prosedur
7.4.4	Rekod input baja	Rekod
7.5.1	Peta yang mengenal pasti tanah marginal dan rapuh, termasuk cerun curam dan tanah gambut	Peta
7.6.1	Peta kesesuaian tanah atau tinjauan tanah cukup untuk membentuk kesesuaian jangka panjang tanah bagi penanaman kelapa sawit	Peta

7.5.2, 7.5.3, 7.6.2	Pelan untuk memastikan tiada penanaman baharu di tanah gambut, terain curam dan tiada penanaman semula yang meluas di terain curam, serta penanaman meluas di atas tanah marginal dan rapuh	Pelan
7.7.2	Peta kawasan gambut	Peta
7.7.3	Prosedur bagi meminimumkan, memantau dan mendokumentasikan penenggelaman tanah gambut (jika terpakai)	Prosedur
7.7.4	Program pengurusan air dan liputan tanah (bagi penanaman di atas tanah gambut sedia ada)	Program
7.8.1	Pelan pengurusan air	Pelan
7.8.2	Peta dan pelan laluan air dan perlindungan tanah lembap	Peta & pelan
7.8.2	Pelan bagi membaiki pulih riparian yang sesuai dan zon penimbun yang lain (jika terpakai)	Pelan
7.9.1	Pelan bagi meningkatkan kecekapan penggunaan bahan api fosil dan untuk mengoptimumkan tenaga boleh diperbaharui	Pelan
7.10.3	Pelan untuk mengurangkan atau meminimumkan pencemar penting yang dikenal pasti dan pelepasan GHG	Pelan
7.12.1	Analisis Perubahan Penggunaan Tanah (LUCA) dijalankan	Penilaian
7.12.2	Penilaian HCV-HCS berkaitan yang dijalankan (Rujuk Interpretasi Penunjuk RSPO 7.12.2 dan Lampiran 5)	Penilaian
7.12.4	Pelan Pengurusan Bersepadu untuk melindungi dan/atau meningkatkan HCV, hutan HCS, kawasan gambut dan kawasan pemuliharaan lain	Pelan
7.12.6	Rekod pendidikan berkala tenaga kerja tentang spesies jarang ditemui dan terancam (RTE)	Rekod
7.12.7	Rekod pemantauan HCV	Rekod
7.12.8	Prosedur Pemulihan dan Pampasan (RaCP) digunakan (jika terpakai)	RaCP

RSPO adalah organisasi antarabangsa yang bukan berasaskan keuntungan dan ditubuhkan pada tahun 2004 dengan objektif untuk menggalakkan pertumbuhan dan penggunaan produk kelapa sawit lestari melalui piawaian global yang boleh dipercayai dan penglibatan pihak berkepentingan.

www.rspo.org



Roundtable on Sustainable Palm Oil

Unit 13A-1, Level 13A, Menara Etiqa,
No 3, Jalan Bangsar Utama 1,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia

Pejabat Lain:

Jakarta, Indonesia
London, United Kingdom
Beijing, China
Bogota, Colombia
New York, USA
Zoetermeer, Netherlands

 rspo@rspo.org

 www.rspo.org